

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10 Mac 2009

SOALAN

YB Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah pesakit mental dikategorikan sebagai OKU dan usaha-usaha yang boleh dilakukan bagi membantu keluarga yang terdapat dalam kalangan ahli keluarganya mengalami masalah mental.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, Pada masa ini, pesakit mental masih belum dikategorikan sebagai orang kurang upaya (OKU). Walau bagaimanapun, berdasarkan Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685], definisi “orang kurang upaya” (OKU) termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Sehubungan itu, Kementerian ini sedang mengambil langkah bagi mengkategorikan semula OKU supaya pesakit mental dimasukkan sebagai salah satu kategori OKU. Walau bagaimanapun, pertimbangan terhadap perkara ini perlu dibuat dengan teliti memandangkan isu berhubung penyakit mental ini turut melibatkan bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu di bawah Akta Kesihatan Mental 2001. Sekiranya Kerajaan meluluskan pesakit mental sebagai salah satu kategori OKU, maka mereka yang layak dan memenuhi syarat boleh dipertimbangkan untuk menikmati segala bantuan dan kemudahan yang diberikan kepada golongan OKU yang lain melalui bantuan kebajikan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti berikut :- (i) Elaun Pekerja Cacat (EPC) sebanyak RM300 seorang sebulan kepada OKU yang bekerja dengan pendapatan tidak melebihi RM1,200 sebulan; (ii) Bantuan kepada OKU yang Tidak Berupaya Bekerja sebanyak RM150 seorang sebulan; (iii) Bantuan Kepada Penjaga OKU Terlantar berjumlah RM300 seorang sebulan; dan (iv) Elaun kepada OKU yang menyertai program Pusat Pemulihan Dalam Komuniti sebanyak RM150 seorang sebulan. Bantuan kebajikan yang disediakan oleh pihak Kerajaan bukan sahaja membantu seseorang OKU malah secara tidak langsung membantu keluarga mereka dalam mengurangkan beban kos sara hidup yang ditanggung.

